

Artikel

**Modal Sosial dan Pemeraksanaan Sosioekonomi Belia Luar Bandar di Kuala Rompin, Pahang**  
(*Social Capital and Rural Youth Socioeconomic Empowerment in Kuala Rompin Pahang*)

Normarina Misuari Baharodin\*, Mimi Hanida Abdul Mutalib & Azlina Abdullah

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [mimi8ab@ukm.edu.my](mailto:mimi8ab@ukm.edu.my)

Diserah: 15 Disember 2024

Diterima: 15 Februari 2025

**Abstrak :** Kajian ini meneroka potensi belia luar bandar di Kuala Rompin, Pahang dalam meningkatkan sosioekonomi hidup mereka melalui modal sosial dan pemeraksanaan. Fokus diberikan kepada belia yang tidak berhijrah ke bandar walaupun berhadapan dengan kekangan seperti akses pendidikan dan peluang pekerjaan yang terhad. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penglibatan belia dalam aktiviti sosioekonomi, meneroka peranan elemen modal sosial iaitu ikatan, rapatan, dan rangkaian serta mendeskripsikan pemeraksanaan belia dalam aspek sosial dan ekonomi. Berlandaskan teori strukturasi Giddens dan modal sosial Bourdieu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual bersama belia yang terlibat dalam aktiviti ekonomi. Informan dipilih menggunakan strategi pensampelan bertujuan dan bola salji. Kajian ini menggunakan analisis data secara tematik, melibatkan tiga langkah utama iaitu memahami data, menyusun kod dan mencari tema. Hasil kajian menunjukkan bahawa elemen modal sosial memainkan peranan yang besar dalam pemeraksanaan sosioekonomi belia luar bandar dengan menyediakan rangkaian sokongan, akses kepada peluang, dan memperkukuh daya tahan mereka dalam menghadapi cabaran ekonomi. Selain itu, kajian mendapati bahawa pelbagai usaha pemeraksanaan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan wujud dalam kalangan belia di Kuala Rompin, Pahang, namun tahap penyertaan dan keberkesanan program-program ini masih memerlukan penambahbaikan. Implikasi kajian ini mencadangkan keperluan untuk memperkukuh jaringan modal sosial dalam kalangan belia, meningkatkan keberkesanan program pemeraksanaan sedia ada, serta memperluaskan akses kepada peluang ekonomi yang lebih inklusif. Kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan ekonomi belia luar bandar serta menyumbang kepada pembangunan dasar yang lebih berkesan bagi memperkasa sosioekonomi mereka.

**Kata kunci:** Modal sosial; pemeraksanaan; belia; luar bandar; sosioekonomi

**Abstract :** This study explores the potential of rural youth in Kuala Rompin, Pahang, to improve their socioeconomic well-being through social capital and empowerment. The focus is on youth who do not migrate to urban areas despite facing challenges such as limited access to education and employment opportunities. The study aims to identify the level of youth involvement in socioeconomic activities, explore the role of social capital elements which are bonding, bridging, and linking as well as to describe youth empowerment in social and economic aspects. This study employs a qualitative approach through interviews with youth engaged in economic activities, selected using purposive and snowball sampling strategies. The study utilizes thematic data analysis, following three main steps: understanding the data, coding, and identifying themes. The findings reveal that social capital elements play a significant role in empowering rural youth by providing support networks, access to opportunities, and strengthening their resilience in facing economic challenges.

Additionally, the study finds that various empowerment efforts implemented by government and non-governmental agencies exist among the youth in the study area; however, the level of participation and effectiveness of these programs still require improvement. The implications of this study suggest the need to strengthen social capital networks among youth, enhance the effectiveness of existing empowerment programs, and expand access to more inclusive economic opportunities. This study is expected to provide a deeper understanding of the factors influencing rural youth economic participation and contribute to the development of more effective policies to enhance their socioeconomic potential.

**Keywords:** Social capital; empowerment; youth; rural; socioeconomic

---

## Pengenalan

Pada masa ini bilangan belia yang masih berada di Kuala Rompin lebih kecil berbanding dengan bilangan belia yang berhijrah ke bandar. Daripada keseluruhan belia yang terdapat di Kuala Rompin, 76% telah berhijrah ke bandar untuk mengisi peluang pekerjaan manakala 24% masih berada di kampung (Fauzi et al., 2024). Jurang peratusan yang besar ini disumbang oleh beberapa faktor penolak dan penarik seperti i) tiada peluang pendidikan tinggi di luar bandar, ii) peluang pekerjaan amat terhad, iii) pendapatan di bandar lebih tinggi berbanding di luar bandar, iv) persekitaran di luar bandar tidak dapat menjana minda ke tahap yang diinginkan dan v) peluang untuk meningkatkan pendapatan di luar bandar adalah rendah (Ding et al., 2024). Kajian terdahulu telah menyingkap tentang faktor penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar (Akhter et al., 2024; Naval et al., 2024). Sebaliknya, terdapat juga belia yang memilih untuk kekal di kampung dan mencapai tingkat sosioekonomi yang baik. Maka, kajian ini akan membuka lembaran baharu yang memfokuskan kegiatan sosioekonomi belia di Kuala Rompin tidak berhijrah ke bandar. Maka penumpuan kajian ini adalah bagi memahami bagaimana modal sosial dapat menyokong pemeraksanaan sosioekonomi belia luar bandar serta melihat sejauhmana belia yang tidak berhijrah ke bandar mampu beradaptasi dengan limitasi sumber yang ada di Kuala Rompin untuk memperkasa sosioekonomi.

Keterbatasan sumber sedia ada di kawasan luar bandar menjadi cabaran besar kepada belia untuk meningkatkan potensi diri. Isu-isu sosial seperti kurangnya aspek pendidikan, aspek kesihatan, tidak mempunyai peluang pekerjaan dan sebagainya adalah antara isu yang sering dikaitkan dengan belia luar bandar ini (Murtagh et al., 2023; Yassine & Bakass, 2023). Ketidakseimbangan ini mengakibatkan mereka terpinggir dari arus kemajuan dan menghadapi kesukaran dalam meningkatkan kualiti hidup. Modal sosial, yang merangkumi elemen seperti hubungan sosial, rangkaian, norma kepercayaan, dan kerjasama dalam komuniti, dianggap sebagai aset yang boleh membantu memperbaiki taraf hidup dan memperkasa belia luar bandar (Filipovic & Arslanagic-Kalajdzic, 2023). Sungguhpun begitu, peranan modal sosial sering kali diabaikan atau tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh belia luar bandar dalam usaha meningkatkan sosioekonomi mereka (Burton & Vu, 2021). Oleh itu, kajian ini akan meneliti bagaimana modal sosial dapat digunakan secara strategik untuk mengatasi halangan sosioekonomi yang dihadapi oleh belia luar bandar, serta bagaimana ia boleh menjadi faktor pendorong utama dalam meningkatkan daya tahan dan kemajuan sosioekonomi mereka. Hal ini termasuklah perbincangan mengenai peranan jaringan sosial yang ada dalam komuniti luar bandar, dan sejauh mana hubungan ini dapat membantu belia mengakses peluang yang lebih baik, baik dari segi pendidikan, pekerjaan, atau keusahawanan.

Inisiatif-inisiatif kerajaan seperti penekanan konsep Malaysia MADANI menekankan aspek inklusif dalam pembangunan negara, golongan belia luar bandar sering kali tidak mendapat manfaat yang setara dengan belia di kawasan bandar, sekaligus meningkatkan jurang sosioekonomi antara dua kawasan ini. Cabaran ini menimbulkan persoalan yang serius tentang keberkesanan pelbagai dasar dan inisiatif sedia ada dalam memperkasakan belia luar bandar untuk membolehkan mereka mencapai mobiliti sosial yang lebih baik, mengurangkan jurang pendapatan, dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih mapan di kawasan luar bandar. Dalam konteks ini, penting untuk memahami sejauh mana peranan agensi kerajaan, masyarakat setempat, serta sektor swasta dapat digembleng dalam usaha memperkasa belia luar bandar agar mereka dapat memainkan peranan lebih signifikan dalam transformasi ekonomi tempatan dan tidak sekadar menjadi penerima pasif kepada perubahan yang berlaku.

Meskipun telah banyak kajian dan penyelidikan terdahulu yang membuktikan masalah sosial dalam kalangan belia di kawasan luar bandar dan kekurangan sumber di kawasan luar bandar, namun, terdapat juga belia-belia yang berada di luar bandar yang dapat membuktikan kejayaan mereka dari segi sosioekonomi (Rani et al., 2020; Zulhafizi et al., 2021). Hal ini menunjukkan bahawa potensi belia di luar bandar yang perlu diterokai dan diperkasa menggunakan sumber yang ada di kawasan luar bandar. Meskipun keadaan di Kuala Rompin yang serba kekurangan dari aspek pembangunan fizikalnya, namun belia tempatan yang tidak berhijrah ini mampu beradaptasi dengan keadaan ini, malah mencapai kestabilan ekonomi dan sosial. Maka, kajian ini akan menyingkap sudut pandang yang baharu tentang kejayaan belia di kawasan luar bandar dalam aspek sosioekonomi dengan sumber dan limitasi yang ada di kawasan luar bandar.

### **Kajian Literatur**

Kajian literatur mengenai belia luar bandar dan aktiviti ekonomi menunjukkan bahawa belia luar bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi luar bandar, namun mereka sering berdepan dengan pelbagai cabaran. Menurut teori migrasi yang dikemukakan oleh Brettell and Hollifield (2017) belia cenderung untuk berhijrah ke kawasan bandar kerana peluang pekerjaan yang lebih baik, pendidikan, dan kemudahan asas yang lebih maju. Hal ini membawa kepada pengurangan populasi belia di luar bandar, yang seterusnya menjejaskan ekonomi tempatan. Dalam kajian oleh Ding et al., (2024), mereka mendapati bahawa belia luar bandar terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi, termasuk pertanian, perikanan, dan keusahawanan kecil-kecilan. Walau bagaimanapun, kekurangan akses kepada teknologi moden, kemudahan kredit, serta sokongan dari segi latihan dan pembangunan kapasiti menjadi faktor utama yang menghalang perkembangan ekonomi belia luar bandar. Hal ini menyebabkan kebanyakan belia luar bandar kekal dalam pekerjaan yang kurang produktif dan berpendapatan rendah.

Di samping itu, kajian oleh Ahmad dan Zainal (2019) dan Seman dan Aiyub (2023) menegaskan bahawa aktiviti ekonomi belia luar bandar perlu diperkukuhkan melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan sektor kerajaan, swasta, dan masyarakat sivil. Intervensi seperti program keusahawanan belia dan penyediaan latihan teknikal vokasional (TVET) telah terbukti memberi impak positif terhadap peningkatan kemahiran dan daya saing belia luar bandar dalam pasaran kerja. Contohnya, dalam program yang dijalankan di kawasan luar bandar Pahang, belia yang terlibat dalam latihan TVET berjaya memperluaskan aktiviti ekonomi mereka dari sektor pertanian tradisional kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan, yang lebih berdaya saing. Oleh itu, sokongan dan galakan yang berterusan perlu diberikan kepada belia luar bandar untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi, di samping mengekalkan keberadaan mereka di kawasan luar bandar.

Dalam kita menyingkap faktor kemajuan sosioekonomi belia, melalui kajian faktor modal sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri mendapati, faktor-faktor modal sosial yang dikenal pasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu adalah terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan guru dan media massa. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof et al., (2020) berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan belia sebagai usahawan tani di Pasir Puteh, Kelantan mendapati faktor utama yang mempengaruhi penglibatan belia dalam industri pertanian ini iaitu faktor individu dan faktor persekitaran. Sinaga (2024) telah membuktikan melalui kajiannya bahawa penglibatan dalam bidang pertanian bukan sahaja melibatkan penerimaan, sikap, dan pengetahuan tetapi turut dikaitkan dengan sokongan keluarga, kerajaan dan promosi daripada pihak dan agensi yang berkaitan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail (2017) yang mengatakan bahawa kejayaan belia di luar bandar dalam bidang pertanian didorong oleh faktor luaran seperti sokongan keluarga dan kerajaan yang dijalankan melalui promosi dan festival pertanian yang dapat meningkatkan penyertaan belia luar bandar dalam sektor pertanian. Kajian tersebut turut mencadangkan belia perlu lebih peka terhadap peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk kebaikan diri dan keluarga.

Kajian yang dilakukan oleh Yusof dan Tahir (2021) berkaitan Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia menunjukkan bahawa faktor 'Sikap/Minat/Kesedaran diri sendiri bagi seseorang usahawan itu merupakan faktor paling utama yang mendorong kejayaan seseorang usahawan muda dalam menjalankan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Sikap usahawan yang berdisiplin tinggi dalam mengendalikan perniagaan, berani dan

sanggup menghadapi risiko, berfikiran kreatif dan inovatif, sentiasa mendalami ilmu perniagaan sangat menyumbang terhadap kejayaan usahawan muda IKS di Malaysia bagi mengembangkan lagi perniagaan ke arah peringkat global dan akhirnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Seterusnya, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan keluarga terdekat dan rakan sekeliling mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya hidup belia. Perinteraksian yang baik dengan ibu bapa meningkatkan tahap estim belia (Yesodharan et al., 2020), selain memberi kesan kepada keyakinan diri, dan mempengaruhi moral belia (Gamon et al., 2020).

Dalam modal sosial ikatan, keluarga terdekat, ibu bapa dan rakan sebaya merupakan kumpulan yang paling hampir dengan belia, sekali gus dapat mempengaruhi corak tingkah laku diri (Seman & Aiyub, 2023) Sebaliknya, belia yang mempunyai masalah tingkah laku pula sering dikaitkan dengan kesan pengaruh ibu bapa yang negatif (Astuti, 2021). Bukan itu sahaja, Bandura dalam Teori Pembelajaran Sosial menegaskan bahawa pembentukan tingkah laku individu merupakan hasil daripada interaksi individu, persekitaran dan tingkah laku manusia itu sendiri (Ramjaun & Narod, 2020). Keadaan ini memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji akan peranan elemen modal sosial sebagai faktor kejayaan para belia dalam bidang yang diceburi sama ada pertanian, perniagaan dan sebagainya. Kajian oleh Sembok et al. (2022) menunjukkan bahawa penghijrahan belia sering kali menyebabkan perubahan dalam struktur keluarga, di mana ibu bapa tua terpaksa mengurus rumah tangga dan tanah pertanian tanpa bantuan anak-anak mereka. Keadaan ini juga menimbulkan tekanan emosi dan perasaan kesunyian dalam kalangan ahli keluarga yang ditinggalkan.

Kajian oleh Chen et al. (2020) mendapati bahawa tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan belia luar bandar adalah salah satu punca utama yang menghalang mereka daripada memperoleh pekerjaan yang berkualiti. Kekurangan infrastruktur pendidikan yang mencukupi di kawasan luar bandar, seperti sekolah menengah dan institusi latihan kemahiran, menyumbang kepada masalah ini (Subban et al., 2022). Saidi et al. (2018) telah mengkaji taraf pendidikan penduduk Sg Budor Kelantan dan menganalisis sosioekonomi utama penduduk setempat. Hasil kajian mendapati tiada pendidikan dan taraf pendidikan rendah yang menjadi penyebab kepada kemerosotan ekonomi isi keluarga serta kemiskinan atas faktor ketiadaan pekerjaan tetap. Kajian ini menunjukkan tidak terdapat perubahan ke atas rutin penduduk yang hanya menantikan sumbangan dan bantuan daripada kerajaan atas faktor masalah kesihatan, kekurangan keperluan asas dan tanggungjawab yang pelbagai. Oleh yang demikian, kajian ini menyumbang kepada pentingnya pelaksanaan perubahan sosioekonomi dalam kalangan penduduk untuk mengurangkan kadar kemiskinan seterusnya menjadikan Kg. Sg. Budor sebagai satu pemboleh ubah untuk mengubah kehidupan. Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa cabaran-cabaran ini memerlukan intervensi holistik yang melibatkan peningkatan akses kepada pendidikan, penciptaan peluang pekerjaan yang berkualiti, serta sokongan sosial yang lebih baik untuk membantu belia luar bandar mencapai potensi penuh mereka.

## Metodologi

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan sejauh manakah penglibatan belia dalam sosioekonomi di Kuala Rompin, Pahang; Sejauh manakah pengaruh modal sosial terhadap kegiatan sosioekonomi belia luar bandar; dan sejauh manakah pemerksaan belia luar bandar dalam aspek sosial dan ekonomi. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti potensi belia luar bandar dalam meningkatkan sosioekonomi mereka. Pendekatan ini dipilih kerana ia memberi peluang kepada pengkaji untuk menerokai fenomena yang kurang diselidiki dan mendapatkan pemahaman mendalam mengenai sejarah serta pengalaman belia. Kajian kualitatif juga membolehkan pengkaji memahami lebih lanjut mengenai modal sosial dan pemerksaan belia di Kuala Rompin, Pahang. Kuala Rompin dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan pusat kegiatan ekonomi belia di daerah Rompin, dengan aktiviti utama seperti pertanian, pelancongan, dan perniagaan, serta produk tempatan seperti udang galah, ikan kering, jagung, dan sawit. Populasi kajian terdiri daripada belia di Kuala Rompin yang tidak berhijrah ke bandar tetapi berada dalam tingkat sosioekonomi yang baik.

Sampel kajian dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan dan bola salji (*snowball sampling*), dengan bantuan Majlis Belia Daerah Rompin untuk mencadangkan informan yang sesuai. Tiga kriteria dipilih: informan yang tidak berhijrah ke bandar, berpendapatan lebih RM 4851 sebulan, dan terlibat dalam komuniti serta aktiviti kemasyarakatan. Pemilihan tingkat pendapatan sedemikian merujuk pengelasan baharu isi rumah

oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), isi rumah yang berpendapatan bawah RM4,850 sebulan dikategorikan sebagai B40, isi rumah M40 berpendapatan antara RM4,851 hingga RM10,970, manakala kumpulan isi rumah yang berpendapatan melebihi RM10,971 dikategorikan sebagai T20. Pengkaji bertindak sebagai instrumen kajian, menjalankan temu bual secara semi-struktur untuk mengumpul data. Set soalan terbuka disediakan berdasarkan objektif penyelidikan, dan rakaman audio digunakan untuk merakam sesi temu bual. Proses temu bual melibatkan persiapan yang teliti, termasuk mencari maklumat asas tentang tajuk kajian dan memastikan soalan yang digunakan relevan dan sah.

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, di mana tema utama dikenalpasti berdasarkan transkripsi temu bual. Pengkaji juga memastikan kesahihan data melalui proses semakan dengan informan selepas temu bual, serta melakukan kajian kepustakaan untuk menyokong dan memperkukuhkan kajian. Kaedah ini membolehkan pengkaji menggali pemahaman mendalam tentang isu sosioekonomi belia luar bandar dan menjelaskan fenomena melalui kacamata kualitatif.

## Hasil Kajian

### 1. Penglibatan Belia Luar Bandar dalam Sosioekonomi di Kuala Rompin, Pahang

Kuala Rompin, Pahang, merupakan sebuah kawasan luar bandar yang kaya dengan sumber alam, seperti hasil pertanian dan perikanan. Masyarakat di kawasan ini sebahagian besarnya bergantung kepada sektor ekonomi primer, tetapi dengan perkembangan pesat dalam sektor lain, penglibatan belia dalam pelbagai sektor ekonomi semakin meningkat. Informan yang ditemu bual terlibat dalam tiga sektor utama seperti berikut :

Jadual 1. Sektor penglibatan belia luar bandar dalam sosioekonomi di Kuala Rompin, Pahang

Bil	Sektor Pekerjaan	Jenis Pekerjaan
1	Primer	Peladang Kelapa Sawit
2	Primer	Petani Cili Bara
3	Primer	Penternak Lembu
4	Primer	Petani Jagung
5	Sekunder	Usahawan Keropok Lekor
6	Sekunder	Pengusaha Ikan Masin
7	Sekunder	Kontraktor
8	Tertier	Tukang Jahit
9	Tertier	Pengusaha Restoran
10	Tertier	Pengusaha Rumah Inap
11	Tertier	Pengusaha Bot Pelancong

### 2. Peranan Elemen Modal Sosial Terhadap Kegiatan Sosioekonomi Belia Luar Bandar

Modal sosial merujuk kepada rangkaian hubungan, norma sosial, dan kepercayaan yang mempengaruhi cara individu berinteraksi dalam masyarakat. Dalam konteks belia luar bandar, modal sosial memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan identiti sosial dan pencapaian sosioekonomi mereka. Dengan modal sosial yang kukuh, belia luar bandar bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup mereka tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial komuniti mereka secara keseluruhan, menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam menghadapi cabaran globalisasi dan urbanisasi. Modal sosial bukan sahaja membantu belia dalam memperbaiki kesejahteraan hidup, tetapi juga memberi impak kepada perubahan dalam ekonomi, peluang pendidikan, dan penyertaan dalam masyarakat. Modal sosial terdiri daripada tiga jenis utama: ikatan (*bonding*), rapatan (*bridging*), dan rangkaian (*linking*). Ketiga-tiga jenis modal sosial ini memainkan peranan yang penting dalam membentuk struktur sosioekonomi belia. Dapatan kajian ini akan membincangkan bagaimana ketiga-tiga elemen modal sosial mempengaruhi kegiatan sosioekonomi belia luar bandar di Kuala Rompin Pahang dan bagaimana ia boleh menjadi elemen penting dalam pembangunan generasi muda di kawasan luar bandar ini.

Keluarga sering menjadi sumber sokongan yang utama. Temu bual dengan belia menunjukkan bahawa keluarga adalah tempat pertama mereka mendapat sokongan emosi. Belia yang mempunyai hubungan yang kukuh dengan keluarga cenderung lebih berkeyakinan dan lebih mampu menangani tekanan kehidupan. Temu

bual bersama informan memberikan pandangan yang mendalam mengenai sejauh mana ikan dengan keluarga dan rakan memberi impak yang besar kepada kegiatan ekonomi informan.

*“Sejak kecil, saya selalu diajar oleh ibu supaya ada kemahiran menjahit. Walaupun jadi tukang jahit ni masih lagi baru tapi memang ibu saya memang sentiasa support dan bantu saya. Kalau adik saya balik cuti semester. Dia pun ada la bantu juga.”*

(Informan 5, Wanita, 28 tahun)

Ikatan dalam kalangan rakan sebaya juga memainkan peranan yang besar. Rakan sebaya sering memberi sokongan moral dan praktikal yang membantu belia membuat keputusan dalam kehidupan, terutamanya dalam aspek pendidikan dan kerjaya. Temu bual dengan informan menunjukkan bahawa hubungan dengan rakan sebaya dapat memperkukuh semangat untuk berjaya. Informan mendapatkan sokongan moral dan praktikal yang sangat diperlukan, terutamanya semasa menghadapi tekanan kerja atau keputusan penting dalam hidup.

*“Kawan saya, Ajib tu banyak bantu saya, dari hari pertama saya nak start buat bisnes ni, sampai sekarang, dia la yang banyak guide saya juga kalau saya nak buat apa-apa”*

(Informan 4, Lelaki, 30 tahun)

Komuniti setempat dan komuniti pekerjaan memainkan peranan penting dalam memberi sokongan sosial dan menyediakan ruang untuk belia berkembang. Hubungan yang terjalin dalam komuniti membantu belia mengakses sumber daya, seperti peluang pekerjaan, latihan kemahiran, atau bantuan kewangan. Temu bual dengan belia menunjukkan bahawa komuniti berperanan dalam memberi rangsangan untuk mencapai matlamat mereka. Selain itu, komuniti juga menjadi tempat untuk berkongsi pengalaman dan mendapatkan pandangan baru yang dapat membantu belia membuat keputusan yang lebih baik dalam kehidupan mereka.

*“Dekat mukim Janglau ni, JKK saya selalu buat banyak program untuk bantu belia. Sebagai contoh, masa awal tahun hari tu ada bengkel tentang cara untuk memulakan perniagaan dan pasarkan produk. Ini membuka peluang kepada saya untuk belajar dan dapatkan tips daripada orang yang berpengalaman”*

(Informan 2, Lelaki, 27 tahun)

Perhubungan dengan persatuan juga membuka peluang untuk belia mengembangkan kemahiran mereka. Banyak kelab dan persatuan menawarkan program latihan, bengkel, atau seminar yang boleh membantu belia meningkatkan kemahiran teknikal, profesional, dan peribadi mereka. Melalui aktiviti-aktiviti ini, belia dapat belajar perkara baru yang dapat membantu mereka menjadi lebih kompetitif dan lebih berdaya saing dalam perniagaan. Misalnya, beberapa persatuan belia di Kuala Rompin seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Gerakan 4B dan Majlis Belia Rompin menyediakan kelas-kelas percuma mengenai kemahiran teknikal atau kemahiran insaniah, seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, dan pengurusan masa. Hal ini memberi belia peluang untuk mempelajari kemahiran baru yang tidak diajarkan di sekolah atau universiti. Dalam proses ini, belia bukan sahaja belajar dari pengalamannya sendiri tetapi juga mendapat bimbingan daripada anggota komuniti yang lebih berpengalaman.

*“Lepas CoVid, Majlis Belia Rompin, ada anjur kursus BUDS Tanaman Roselle, selama tiga bulan. Saya jadi peserta dan dari situ saya rasa minat untuk jadi petani moden. Peserta lain pun ada minat yang sama macam saya, jadi sampai sekarang la kita orang contact”*

(Informan 3, Lelaki, 28 Tahun)

Komuniti bukan sahaja memberi sokongan sosial dan ekonomi, tetapi juga membolehkan belia mengembangkan jaringan sosial yang lebih luas. Jaringan ini penting dalam dunia yang semakin global, di mana hubungan yang kuat dengan pelbagai pihak boleh membuka pintu kepada peluang baru, baik dalam pekerjaan mahupun perniagaan. Dengan berada dalam komuniti yang aktif, belia berpeluang untuk

berinteraksi dengan individu-individu yang mempunyai latar belakang dan kepakaran yang berbeza, seterusnya memperluas pengetahuan dan pengalaman mereka.

*"Sejak saya join persatuan WI dan PERKIM ni, makin banyak tempahan baju saya, sebab kawan-kawan saya dari persatuan ni, semuanya tempah baju dengan saya. Lagi-lagi kalau macam hujung tahun kan ada dinner. Jadi, dress dress mereka tempah dengan saya lah"*

(Informan 9, Wanita, 28 tahun)

Bantuan kewangan adalah salah satu aspek utama dalam rantaian yang dapat meningkatkan peluang ekonomi belia luar bandar. Rantaian dengan institusi kewangan, agensi kerajaan, dan NGO dapat membuka akses kepada pelbagai bentuk sokongan kewangan seperti pinjaman mikro, geran, dan subsidi. Ini adalah langkah penting dalam mengurangkan jurang ekonomi antara belia luar bandar dan kawasan bandar. Misalnya, Kerajaan Negeri Pahang melalui I-Push (Inisiatif Pembangunan Usahawan Sektor Informal) menyediakan bantuan kewangan dan sokongan untuk belia yang ingin memulakan perniagaan. Program ini menawarkan pelbagai bantuan termasuk pinjaman tanpa faedah serta bimbingan untuk membantu belia luar bandar yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan kecil dan mikro.

*"Saya mendapat maklumat mengenai I-Push daripada seorang rakan yang berhubung dengan pejabat kerajaan negeri. Dia berkata, 'I-Push memberi peluang kepada usahawan muda di luar bandar untuk mendapat bantuan kewangan tanpa faedah. Ini peluang besar bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan'"*

(Informan 3, Lelaki, 28 tahun)

Rantaian dalam aspek kemahiran merujuk kepada hubungan antara belia luar bandar dengan pusat latihan, organisasi kemahiran, atau mentor yang boleh membantu mereka meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran. Melalui rantaian dengan organisasi yang menyediakan latihan vokasional, kursus kemahiran, atau latihan keusahawanan, belia luar bandar dapat meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan perniagaan mereka sendiri.

*"Saya dulu tidak tahu apa yang saya boleh buat untuk menambah pendapatan keluarga. Tapi lepas bertemu dengan seorang mentor daripada MARA, saya dapat kemahiran membaiki bot. Kini, saya ada bot sendiri untuk bawa pelancong ke Pulau Tioman, dan saya tak sangka betapa besar impaknya terhadap kehidupan saya"*

(Informan 10, lelaki, 29 tahun)

Hasil kajian menunjukkan bahawa modal ketiga-tiga jenis modal sosial iaitu ikatan, perhubungan dan rantaian memainkan peranan penting dalam kegiatan ekonomi mereka terutamanya dari aspek sokongan emosi, jaringan kenalan, bantuan kewangan dan kemahiran.

### 3. Pemeraksanaan Sosioekonomi Belia di Kuala Rompin

Inisiatif yang signifikan dalam pemeraksanaan sosioekonomi belia di Kuala Rompin adalah program latihan kemahiran yang memberi peluang kepada belia untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan vokasional. Latihan kemahiran ini tidak hanya memberikan pengetahuan praktikal, tetapi juga membolehkan belia di Kuala Rompin mengakses peluang pekerjaan yang lebih baik, dan mencipta kerjaya sendiri menerusi kemahiran yang diperolehi. Di Kuala Rompin, pihak kerajaan dan agensi seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah bekerjasama dengan pelbagai sektor industri untuk menawarkan program latihan kemahiran dalam bidang pertanian moden, teknologi maklumat, automotif, keusahawanan, dan banyak lagi. Program ini bertujuan untuk mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan belia dengan memberi mereka kemahiran yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan.

*"Selain gi kursus dekat sini saya pun join kursus baiki bot di ILP juga. Memang banyak la kursus saya join untuk timba ilmu kan"*

(Informan 10, Lelaki, 29 tahun)

Di Kuala Rompin, beberapa belia telah memulakan perniagaan kecil seperti pembuatan makanan tradisional, perkhidmatan pengangkutan, dan perniagaan dalam talian. Sebagai contoh, Program Usahawan Belia yang dijalankan oleh MARA menyediakan latihan perniagaan, pengurusan kewangan, dan pemasaran digital untuk membantu belia memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

*"Saya juga belajar cara memasarkan produk saya secara dalam talian, yang kini memberi saya lebih banyak pelanggan dari luar Kuala Rompin. Program ini bukan sahaja memberi modal, tetapi juga memberi saya keyakinan untuk memajukan perniagaan"*

(Informan 2, Lelaki, 27 tahun)

Seterusnya, di Kuala Rompin, kekuatan komuniti dan hubungan sosial yang erat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemerkasaan belia. Belia sering kali terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, perayaan, dan majlis-majlis komuniti lain yang mengukuhkan hubungan mereka dengan masyarakat sekitar. Kegiatan ini bukan sahaja mengeratkan hubungan sosial, tetapi juga menyediakan peluang untuk belia membina jaringan yang lebih luas yang dapat membantu mereka dalam aspek kerjaya dan kehidupan peribadi.

*"Setiap kali ada gotong-royong atau program kampung, saya selalu terlibat. Selain dapat menambah kawan, saya juga belajar banyak perkara baru, contohnya dalam pengurusan acara atau projek sosial. Ini semua adalah untuk networking dan masa depan saya"*

(Informan 8, Lelaki, 25 tahun)

Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat inisiatif pemerkasaan yang telah dijalankan yang menyentuh aspek kemahiran, bantuan kewangan, penggalakan petani muda, teknologi dan sosial.

## **Perbincangan**

Kajian ini telah mengupas secara mendalam penglibatan belia luar bandar dalam sosioekonomi di Kuala Rompin, Pahang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa belia luar bandar mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi tempatan, meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Salah satu dapatan penting kajian ini ialah penglibatan belia dalam pelbagai aktiviti ekonomi yang berbeza, seperti perladangan kelapa sawit, perniagaan keropok, penanaman cili, penternakan lembu, dan aktiviti keusahawanan lain. Setiap informan yang terlibat dalam kajian ini memperlihatkan keazaman tinggi untuk berjaya di kampung halaman mereka, meskipun terdapat tarikan untuk berhijrah ke bandar bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih luas. Dapatan ini selari dengan kajian daripada Suhaimi dan Rahim (2018) di kawasan FELDA yang menunjukkan bahawa belia luar bandar memiliki potensi yang besar dalam menghadapi cabaran sosioekonomi, walaupun terdapat faktor tarikan untuk berhijrah ke bandar. Kajian ini turut mendedahkan bahawa belia yang memilih untuk kekal di luar bandar menunjukkan keupayaan tinggi untuk menyesuaikan diri dengan keadaan setempat serta menggunakan sumber sedia ada dengan bijaksana. Kajian daripada Zulkifli et al. (2022) juga menyokong dapatan ini bahawa belia yang tidak berhijrah ke bandar berjaya membangunkan potensi diri melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti sosioekonomi seperti pelancongan, meskipun terdapat kekangan dari segi sumber, kemudahan infrastruktur, dan akses kepada teknologi.

Para informan kajian ini telah menunjukkan ketekunan dan daya tahan yang tinggi dalam menangani cabaran sosioekonomi. Keadaan ini mengukuhkan lagi pentingnya ketahanan (*resilience*) dalam kalangan belia luar bandar, terutamanya bagi mereka yang memilih untuk kekal di kampung halaman dan membangunkan ekonomi tempatan. Tahap ketahanan amat penting dalam memastikan belia luar bandar dapat menghadapi cabaran sosioekonomi dengan berkesan. Kajian daripada Clauss-Eshlers (2022) di Utara England menunjukkan bahawa belia perlu mempunyai daya tahan yang tinggi bagi memastikan kelangsungan hidup serta kejayaan dalam bidang ekonomi yang diceburi. Selain itu, kajian daripada Kamarudin et al. (2016) menegaskan bahawa daya tahan dalam kalangan belia luar bandar dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti sokongan keluarga, pengalaman hidup, dan akses kepada pendidikan keusahawanan. Kajian ini menunjukkan



bahawa belia yang memiliki daya tahan tinggi lebih cenderung untuk meneroka peluang keusahawanan, walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan seperti modal yang terhad dan pasaran yang kompetitif. Justru, daya tahan yang tinggi dalam kalangan belia bukan sahaja membantu mereka bertahan dalam sektor pertanian dan keusahawanan, malah meningkatkan keupayaan mereka untuk memanfaatkan teknologi moden dalam perniagaan. Ini menunjukkan bahawa ketahanan merupakan elemen penting dalam memperkasa belia luar bandar agar mereka dapat terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat. Kajian daripada Tahir et al. (2024) terhadap faktor sosioekonomi pembangunan FELDA mendapati bahawa faktor ketahanan dan sikap peneroka muda memainkan peranan penting dalam pembangunan kawasan FELDA. Sikap ketahanan ini mencerminkan keupayaan belia untuk menghadapi perubahan persekitaran dan menggunakan peluang yang ada bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Sokongan daripada keluarga, komuniti, dan institusi tempatan memainkan peranan yang signifikan dalam memperkasakan belia luar bandar. Jaringan sosial yang kukuh membantu belia mengakses sumber-sumber seperti maklumat, modal, dan peluang pasaran. Sebagai contoh, penglibatan belia dalam persatuan peladang, persatuan nelayan, dan sokongan daripada Majlis Belia Daerah Rompin membolehkan mereka mendapatkan bantuan teknikal serta memperkukuhkan kedudukan mereka dalam sektor ekonomi yang diceburi. Jaringan sosial ini membuktikan bahawa sokongan kolektif dapat membantu belia luar bandar menghadapi cabaran ekonomi dan sosial yang melanda komuniti mereka. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Othman et al. (2022) bahawa elemen modal sosial ikatan seperti keluarga memainkan peranan penting dalam sesuatu tindakan yang diambil oleh golongan muda. Hubungan ini juga memperkuat ikatan sosial yang seterusnya mendorong kerjasama yang lebih erat antara belia dan pelbagai pihak berkepentingan di peringkat komuniti. Sokongan dan jaringan sosial ini memainkan peranan penting dalam memperbaiki kesejahteraan belia luar bandar, terutamanya dalam memudahkan belia luar bandar mengakses sumber yang diperlukan. Dalam aspek pengaruh modal sosial terhadap kegiatan sosioekonomi, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa modal sosial memainkan peranan yang penting dalam mendorong kejayaan belia luar bandar. Konsep modal sosial yang diperkenalkan oleh Pierre Bourdieu dan dikembangkan oleh Robert Putnam menjadi landasan utama dalam memahami peranan hubungan sosial dan kepercayaan dalam memperkukuhkan kedudukan ekonomi belia. Rangkaian sosial yang kukuh di peringkat komuniti dapat memudahkan belia untuk mengakses pelbagai peluang ekonomi dan sosial. Dalam konteks kajian ini, modal sosial berbentuk hubungan antara belia dengan keluarga, rakan sebaya, komuniti setempat, dan institusi-institusi berkaitan seperti persatuan belia dan persatuan peladang telah membantu meningkatkan kebolehcapaian belia terhadap sumber-sumber yang diperlukan untuk mengembangkan aktiviti sosioekonomi mereka. Jaringan sosial yang kuat ini turut menyediakan akses kepada maklumat, sokongan emosi, dan peluang-peluang perniagaan yang tidak dapat diperoleh secara individu. Hal ini berkait rapat dengan kajian oleh Wola et al. (2023) berkaitan peranan modal sosial dalam pemilihan pekerjaan di Desa Dunsawang, Indonesia. Dalam konteks kajian ini, perubahan kegiatan ekonomi daripada sektor pertanian kepada sektor industri dipengaruhi oleh elemen modal sosial di kawasan berikut. Keadaan ini menunjukkan bahawa modal sosial yang dibina melalui kerjasama komuniti berfungsi untuk membuka peluang pemerikasaan sosioekonomi di kawasan luar bandar.

Selain itu, pemerikasaan belia turut menjadi dapatan utama dalam kajian ini. Kajian mendapati bahawa pemerikasaan belia melibatkan beberapa dimensi utama, termasuk pembangunan kemahiran, peningkatan kesejahteraan ekonomi, penglibatan dalam pengambilan keputusan, serta pembangunan jaringan sosial. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Rawee (2016) bahawa melalui proses pemerikasaan, belia luar bandar berupaya mengubah kehidupan mereka daripada bergantung kepada pekerjaan konvensional kepada menjadi pengusaha yang lebih berdikari. Beberapa informan dalam kajian ini membuktikan bahawa pemerikasaan melalui kemahiran keusahawanan dan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) boleh meningkatkan potensi mereka untuk bersaing dalam pasaran ekonomi yang lebih luas. Usaha ini selari dengan matlamat Dasar Belia Malaysia yang berhasrat untuk melahirkan belia yang produktif, kompeten, dan berdaya tahan. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Mirabel et al. (2022) yang mendapati bahawa pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan belia luar bandar untuk bersaing dalam pasaran kerja. Selain itu, kajian oleh Wignall et al. (2023) menunjukkan bahawa sokongan komuniti dan jaringan sosial yang kukuh membantu belia mengakses peluang ekonomi dan membangunkan

keusahawanan di luar bandar. Kajian oleh Katapally (2020) pula menegaskan bahawa pembangunan modal insan melalui latihan kemahiran dan kepimpinan dapat meningkatkan daya tahan belia dalam menghadapi cabaran ekonomi. Sementara itu, kajian kes di Kampung Gertak, Gerachi Jaya, Selangor oleh Ng et al. (2022) menunjukkan bahawa pembangunan luar bandar perlu memberi tumpuan kepada pemerksaan belia dari kelompok minoriti bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi. Dasar Pembangunan Luar Bandar turut menekankan kepentingan mewujudkan belia yang berilmu, berkemahiran, kreatif, dan inovatif melalui bidang keusahawanan. Oleh itu, pemerksaan belia luar bandar memerlukan pendekatan holistik yang merangkumi pendidikan, latihan kemahiran, sokongan komuniti, dan peluang keusahawanan agar mereka dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan ekonomi tempatan.

Pemerksaan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu belia, tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat sekitar kerana hasil daripada usaha belia tersebut dapat merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran di kawasan luar bandar. Seterusnya, dapatan kajian ini turut mendedahkan bahawa terdapat cabaran besar yang dihadapi oleh belia luar bandar, terutamanya dari aspek kekangan sumber dan kekurangan peluang pekerjaan. Kekurangan akses kepada pendidikan tinggi, kemahiran khusus, dan modal kewangan dilihat sebagai halangan utama yang menghalang belia daripada merealisasikan potensi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, beberapa belia yang ditemu bual menunjukkan kebolehan untuk mengatasi kekangan ini dengan memanfaatkan modal sosial dan rangkaian komuniti yang sedia ada. Pengalaman mereka mengesahkan bahawa kekurangan sumber tidak semestinya menjadi penghalang mutlak, asalkan terdapat kesungguhan, kecekalan, dan sokongan daripada pihak komuniti serta kerajaan. Usaha penambahbaikan infrastruktur digital dan pembukaan peluang pekerjaan yang lebih meluas juga boleh membantu mengatasi cabaran ini dan memperkasakan belia untuk menerokai sektor ekonomi yang lebih dinamik. Inisiatif kerajaan untuk meningkatkan infrastruktur digital dan memberi akses kepada kemahiran sangat penting dalam membantu belia luar bandar mengatasi cabaran kekurangan peluang (Ahmad et al., 2024). Justeru, pemerksaan sosioekonomi belia luar bandar juga perlu seiring dengan kemajuan teknologi semasa agar jurang sosioekonomi bandar dan luar bandar dapat dirapatkan.

## **Kesimpulan**

Kajian ini membuktikan bahawa belia luar bandar di Kuala Rompin, Pahang mempunyai potensi besar dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka sekiranya pemerksaan, sokongan jaringan sosial, dan bantuan institusi diberikan secara strategik dan berterusan. Penglibatan belia dalam pelbagai sektor ekonomi serta keupayaan mereka untuk memanfaatkan modal sosial dan jaringan komuniti telah membolehkan mereka mengukuhkan kedudukan sosioekonomi masing-masing. Usaha pemerksaan yang direncanakan secara bersepadu melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan boleh membantu memperkukuh potensi belia luar bandar dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Justeru, dapatan kajian ini memberikan pandangan yang bernilai kepada pembuat dasar dan pihak berkepentingan dalam merangka strategi yang lebih berkesan untuk memperkasa belia luar bandar, khususnya di kawasan Kuala Rompin, Pahang. Usaha sebegini amat penting bagi mengurangkan jurang sosioekonomi antara bandar dan luar bandar, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih inklusif dan mampan. Oleh itu, langkah-langkah strategik perlu diambil oleh kerajaan, institusi pendidikan, dan pihak berkepentingan lain untuk menyediakan program yang komprehensif bagi meningkatkan potensi belia luar bandar. Ini termasuk menyediakan peluang pendidikan berkualiti, memperkasakan infrastruktur digital, serta menggalakkan penglibatan belia dalam sektor keusahawanan dan inovasi.

Semua usaha ini diyakini dapat mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar, seterusnya memperkukuh pembangunan sosioekonomi di peringkat nasional. Kajian akan datang boleh menumpukan kepada kajian jangka panjang mengenai impak program pemerksaan belia terhadap taraf sosioekonomi mereka di Kuala Rompin, termasuk keberkesanan sokongan jaringan sosial, bantuan institusi, serta peranan infrastruktur digital dalam memperkukuh daya saing belia luar bandar. Selain itu, kajian perbandingan antara kawasan luar bandar yang berbeza boleh dilakukan untuk memahami faktor kejayaan dan cabaran unik dalam usaha meningkatkan taraf hidup belia. Kajian seterusnya juga boleh meneliti bagaimana teknologi dan inovasi, termasuk ekonomi digital serta keusahawanan sosial, dapat dimanfaatkan oleh belia luar bandar untuk

memperluas peluang pekerjaan dan menjana pendapatan yang lebih mampan. Seterusnya, kajian kualitatif yang melibatkan perspektif belia sendiri, pembuat dasar, serta pihak berkepentingan lain dapat memberikan gambaran lebih holistik dalam merangka strategi yang lebih berkesan untuk memperkasa belia luar bandar di Malaysia.

**Penghargaan:** Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Ahmad, K., Rashid, S. M. R. A., Sharif, N. M., & Hassan, F. (2023). Memperkasakan Keusahawanan Luar Bandar Melalui Pendidikan ICT: Cabaran dan Potensi di Kubang Pasu, Kedah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002185. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2185>
- Ahmad, S., & Zainal, A. (2019). Faktor-faktor penghijrahan belia luar bandar ke bandardi Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 53(1), 93–106. <https://doi.org/10.17576/JEM-2019-5301-8>
- Akhter, S., Haque, S., & Nasrin, M. (2024). Data on the factors driving the decision of rural people to move into the city. *Data in Brief*, 53, 110037. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2024.110037>
- Astuti, M. E. (2021). Pengaruh keluarga, etnis, kepribadian, gender, dan teman sebaya terhadap minat berwirausaha. *Jurnal Bina Manajemen*, 9(2), 162–183. <https://doi.org/10.52859/jbm.v9i2.155>
- Burton, N., & Vu, M. C. (2021). The light and the dark of mindful social capital: Right mindfulness and social capital development. *European Management Review*, 18(1), 51–63. <https://doi.org/10.1111/emre.12414>
- Brettell, C., & Hollifield, J. F. (2017). Migration Theory: Talking across Disciplines. *Migraciones Internacionales*, 1(1), 152–155. <https://doi.org/10.17428/rmi.v1i1.1301>
- Chen, Y., Fan, Z., Gu, X., & Zhou, L. (2020). Arrival of young talent: the Send-Down movement and rural education in China. *American Economic Review*, 110(11), 3393–3430. <https://doi.org/10.1257/aer.20191414>
- Clauss-Ehlers, C. S. (2020). Exploration of Psychological Well-Being, Resilience, Ethnic Identity, and Meaningful Events among a group of Youth in Northern England: an Autobiographical Narrative Intervention Pilot study. *Adolescent Psychiatry*, 10(2), 92–109. <https://doi.org/10.2174/2210676610666200226090427>
- Ding, C., Wang, M., Guo, Z., & Chen, N. (2024). City size, administrative rank, and rural–urban migration in China. *Journal of Urban Management*, 13(1), 1–10. <https://doi.org/10.1016/j.jum.2023.12.001>
- Fauzi, R., Rahman, Z. A., Said, M. M., Marzuki, M. F., Balang, V. S., Jusoff, K., Yaakub, M. T., & Noor, N. M. (2024). Ethnics in coalition: An analysis of stronghold state level party's performance and trend. *Malaysian Journal of Society and Space*, 20(1). <https://doi.org/10.17576/geo-2024-2001-12>
- Filipovic, J., & Arslanagic-Kalajdzic, M. (2023). Social capital theory perspective on the role of academic social networking sites. *Journal of Business Research*, 166, 114119. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2023.114119>
- Gamon, A. D., Aung, M. a. S. U. T., Razak, M. a. A., & Ali, M. F. (2020). Interpretation of youth from the thinking of Badiuzzaman said Nursi. *Journal of Islam in Asia*. <http://irep.iium.edu.my/76643/>
- Ismail, R. (2017). Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. *Akademika*, 87(1), 27–40. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-03>
- Kamaruddin, S. H., Manap, J., Abdullah, H., & Suandi, T. (2016). Daya tahan belia: pengaruh hubungan perapatan dalam institusi kekeluargaan (Youth Resiliency: attachment Factor in Familial Institution). *E-Bangi*, 13(3). <https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/download/15579/4841>
- Katapally, T. R. (2020). Smart Indigenous Youth: The Smart Platform Policy solution for systems integration to address Indigenous youth mental health. *JMIR Pediatrics and Parenting*, 3(2), e21155. <https://doi.org/10.2196/21155>

- Mirabel, K. T., Diale, B. M., & Sewagegn, A. A. (2022). Technical Vocational Education and Training (TVET) as a Means to Empower Secondary School Learners from Low Socioeconomic Backgrounds. *Journal of Technical Education and Training*, 14(1). <https://doi.org/10.30880/jtet.2022.14.01.012>
- Mohd Yusof, M. Z., Tahir, Z., Abdul Malek, J., & Salman, A. (2020). Cabaran usahawan muda dalam perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 1–10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.600>
- Murtagh, A., Farrell, M., Kuhmonen, T., Weir, L., & Mahon, M. (2023). The Future Dreams of Ireland's Youth: Possibilities for rural regeneration and generational renewal. *Sustainability*, 15(12), 9528. <https://doi.org/10.3390/su15129528>
- Naval, N., Alexopoulos, C., Rizun, N., & Saxena, S. (2024). Identifying the push and pull factors for migration patterns vis-à-vis smart cities' context. *Journal of Science and Technology Policy Management*, 15(1), 45–60. <https://doi.org/10.1108/JSTPM-03-2023-0034>
- Ng, K. C., Yap, S. C., & Cheng, K. M. (2022). Perubahan sosioekonomi masyarakat Orang Asli selepas penempatan semula di Kampung Pertak dan Gerachi Jaya, Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001742. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1742>
- Othman, I. W., Pullong, A., & Maidin, I. (2022). The enhancement of the concept of liveability and inclusive community in relation to sustainable development. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7(29), 294–313. <https://doi.org/10.35631/jthem.729020>
- Othman, N., Othman, N., & Rosli, H. F. (2021). Keciciran pelajar di peringkat pendidikan tinggi: Punca dan penyelesaiannya (Dropouts in higher education: Causes and solutions). *Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1), 45–58. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd738>
- Rani, M. a. M., Rosli, M. S. D. A., Moidin, S., Arif, M. I. a. M., Adenan, F., & Khairuldin, N. F. (2020). Pembangunan keusahawanan asnaf luar bandar di negeri pahang (development of rural asnaf entrepreneurs in pahang). *Deleted Journal*, 2(1), 48–60. [https://doi.org/10.24191/jipsf/v2n12020\\_48-60](https://doi.org/10.24191/jipsf/v2n12020_48-60)
- Rumjaun, A., & Narod, F. (2020). Social learning theory Albert Bandura. In Springer texts in education (pp. 85–99). [https://doi.org/10.1007/978-3-030-43620-9\\_7](https://doi.org/10.1007/978-3-030-43620-9_7)
- Rawee, A. H. (2016). Indeks belia malaysia: gambaran impak pelaksanaan dasar belia malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 15(1), 1–8. <https://doi.org/10.56390/apjys2024.15.2>
- Saidi, Z. A., Sino, H., & Othman, N. K. (2018). Taraf pendidikan dan sosio- ekonomi penduduk di kampung sungai budor, kelantan darul naim (Characteristic of Education and Socio-Economic Population at Sungai Budor Village, Kelantan Darul Naim). *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(3). <https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/download/26962/8295>
- Seman, S., & Aiyub, K. (2023). Pertumbuhan Bandar Mempengaruhi Rebakan Bandar serta Perubahan Guna Tanah di Daerah Seremban: Satu Tinjauan Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002295. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2295>
- Sembok, T. M. Z. T., Hassan, M. S. N. A., Ali, A. S. M., & Asasal, N. (2022). Pendekatan kerja sosial komuniti sebagai mekanisme pendayaupayaan komuniti nelayan. *Asian People Journal (APJ)*, 5(2), 151–160. <https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.2.466>
- Sinaga, D. K. (2024). Persepsi Petani Terhadap Peran Penyuluh Pertanian dalam Penerapan Inovasi Jajar Legowo di Kecamatan Bangsalsari Kabupaten Jember. *Suluh Pembangunan Journal of Extension and Development*, 6(1), 63–74. <https://doi.org/10.23960/jsp.vol6.no1.2024.193>
- Subban, S. S., Mohamd@Razak, N. A., Jalil, H. A., & Ismail, I. A. (2022). Pelaksanaan E-Pembelajaran dalam Persekitaran Sosial dan Budaya di Sekolah Transformasi (TS25) di Malaysia. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 6(1), 32–51. <https://doi.org/10.11113/itlj.v6.89>
- Suhaili, S., & Rahim, F. (2018). Belia Generasi Kedua Felda (G2F): Kedudukan dan Isu Sosioekonomi: The Second-Generation Youth of Felda (G2F): Position and Socioeconomic Issues. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(3), 41-55. <https://doi.org/10.22452/perspektif.vol10no3.4>
- Tahir, Z., Rahim, N. I. S., Idris, M. Y., Ishak, S., Zakaria, S. R. A., & Saidi, Z. A. (2024). Kajian Faktor Sosioekonomi dalam Meningkatkan Nilai Komersial Tanaman Sawit dan Pembangunan FELDA. *E-*

- Bangi: *Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1).  
<https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.39>
- Thompson, J. (2022). A guide to abductive thematic analysis. *The Qualitative Report*.  
<https://doi.org/10.46743/2160-3715/2022.5340>
- Wignall, R., Piquard, B., Joel, E., Mengue, M., Ibrahim, Y., Sam-Kpakra, R., Obah, I. H., Ayissi, E. N., & Negou, N. (2023). Imagining the future through skills: TVET, gender and transitions towards decent employability for young women in Cameroon and Sierra Leone. *Journal of the British Academy*, 11, 121–151. <https://doi.org/10.5871/jba/011s3.121>
- Wola, F., Purwanto, A., & Kawung, E. J. (2023). Peranan Modal Sosial Ekonomi Dalam Diversifikasi Pekerjaan Masyarakat Petani Di Desa Tonsawang Kecamatan Tombatu Minahasa Tenggara. *Jurnal Ilmiah Society*, 3(2), 75–90. <https://doi.org/10.36728/society.v3i2.156>
- Yassine, A., & Bakass, F. (2022). Youth's Poverty and Inequality of Opportunities: Empirical Evidence from Morocco. *Social Sciences*, 12(1), 28. <https://doi.org/10.3390/socsci12010028>
- Yesodharan, R., Niyogi, J., & Dsa, R. (2020). Relationship between emotional intelligence, self-esteem, and assertiveness among South Indian youth: A descriptive, cross-sectional study from Karnataka. *Indian Journal of Public Health*, 64(4), 402. [https://doi.org/10.4103/ijph.ijph\\_584\\_19](https://doi.org/10.4103/ijph.ijph_584_19)
- Yusoff, N. S., & Rashid, M. F. (2023). Transformation of aboriginal communities towards the Regional Development of Iskandar Malaysia. *IOP Conference Series Earth and Environmental Science*, 1274(1), 012025. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/1274/1/012025>
- Zulkarnain, I. F., Bujang, A., Norizan, S., Sadikin, S., Samasu, N. F., & Johari, A. (2023). Exploring Factors Contributing towards Community's Awareness in 3R Behaviour. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities* 20(4), 405-413.
- Zulkifli, N., Mustafar, F. W., Ikhran, M., Ridzuan, M., Abdullah, T., Badawi, A., Malaysia, P. M., Abdullah, S., Mydin, H., Salam, A., Shukri, M., & Abbas, M. (2022). Pembangunan modal insan di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*. <https://doi.org/10.55057/jdpg.2022.4.3.2>